

17 JUN 2003

Mahathir-Jawatan

SAYA TIDAK AKAN LEPAS JAWATAN LEBIH AWAL DARI OKTOBER: DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak akan melepaskan jawatannya lebih awal daripada yang dijanjikan iaitu pada Oktober ini.

"(Sesiapa) nak bimbang, bimbanglah tapi saya pegang pada saya punya pengakuan. Bila saya buat pengakuan, saya tidak akan mungkir, buat sesuatu yang akan menjejaskan kredibiliti," katanya pada sidang berita selepas menyampaikan amanat pada Majlis Taklimat Presiden sempena perhimpunan Umno ke-57 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya pemberita mengenai kebimbangan sesetengah pihak bahawa kemungkinan beliau mengumumkan peletakan jawatannya pada perhimpunan kali ini seperti yang berlaku tahun lepas.

Ditanya mengenai harapannya pada perhimpunan kali ini, Presiden Umno itu berkata beliau menganggap perhimpunan ini adalah satu perhimpunan biasa iaitu sama seperti yang berlangsung pada tahun-tahun sebelum ini.

"Melainkan ini adalah kali terakhir saya merasmikan perhimpunan (sebagai presiden parti)," katanya.

Ditanya sama ada perhimpunan ini akan dipenuhi emosi, Dr Mahathir secara berjenaka berkata, "tahun lepas dah penuh dengan emosi. Sekarang dah letih, tiada lagi air mata. Dah kering".

Terdahulu, Dr Mahathir menyampaikan amanat selama sejam kepada anggota Majlis Tertinggi Umno, Ketua-ketua Bahagian, Ketua Pemuda dan Wanita Bahagian, Penolong Setiausaha dan BENDahari Bahagian serta Ketua Penerangan Bahagian parti.

Majlis tertutup itu turut dihadiri oleh Timbalan Presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketiga-tiga Naib Presiden iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Ditanya tentang amanat yang disampaikannya, Dr Mahathir berkata beliau mengulangi semula nasihat yang pernah disampaikan dahulu iaitu sebagai seorang pemimpin mereka perlu memberi keutamaan kepada parti dan bukan mementingkan diri.

Katanya, pemimpin Umno semua peringkat mesti memastikan kemenangan parti terutama pada pilihan raya umum akan datang.

"Sebagai pemimpin mereka mesti tentukan kemenangan parti dan ada sikap sesuai sebagai pemimpin untuk memastikan kemenangan parti. Seorang pemimpin bukan tentukan kedudukan diri SENDiri tetapi menjamin kemenangan parti," katanya.

Menurutnya, beliau terpaksa mengulangi semula nasihat dan amanat itu kerana manusia mudah lupa.

"Elok untuk diulang. Ingat 10 tahun dulu, jadi saya kena ulang," katanya merujuk kepada perpecahan dalaman parti yang pernah berlaku sebelum ini.

Dr Mahathir juga berkata pemimpin yang baik dapat memastikan parti tidak mempunyai masalah atau menyebabkan berlaku perebutan kuasa dalam parti.

"Kepimpinan yang baik bermakna tidak ada perebutan kuasa, jika ada perebutan pun selepas ia berlaku, mereka akan bertaut semula dan memberikan sokongan kepada yang menang," tambahnya.

-- BERNAMA

SHO RAR KHY MOZ